

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara serta apakah langkah yang sedang dirangka dalam meyakinkan rakyat tentang kemampuan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi Malaysia.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam jangka pendek, Kerajaan sedang berhadapan dengan cabaran fenomena paras harga minyak mentah dunia yang rendah dan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia serta kesan dari kejadian banjir teruk di beberapa buah negeri pada akhir tahun lepas. Ini memaksa Kerajaan menyemak semula unjuran ekonomi dan mengambil beberapa langkah proaktif untuk menghadkan kesannya ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Tiga strategi telah dibentuk bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

**Strategi pertama** adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan. Beberapa tindakan telah diambil untuk merancakkan pertumbuhan eksport serta meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah membantu pengeksport terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mendapat prospek pelanggan baru di pasaran yang baru, memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan bagi pelaksanaan kerja-kerja baik pulih di kawasan yang terjejas akibat banjir, dan mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penangguhan cadangan kenaikan tarif elektrik dan harga gas untuk sektor industri pada tahun ini.

**Strategi kedua** adalah dengan meneruskan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampuan kedudukan fiskal jangka panjang. Antara langkah yang akan diambil bagi meningkatkan hasil Kerajaan adalah

meluaskan asas percukaian dengan menggalakkan syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi meningkatkan hasil daripada kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Ini dijangka akan menyumbang kepada tambahan kutipan GST sebanyak RM1 bilion. Untuk merasionalisasi perbelanjaan pula, Kerajaan akan mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan, terutamanya yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi. Langkah ini dijangka memberi penjimatan sebanyak RM3.2 bilion.

**Strategi ketiga** adalah penyediaan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir pada akhir tahun lepas. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir, tambahan kepada tabung Majlis Keselamatan Negara, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM787 juta.

Berdasarkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan beban perbelanjaan adalah terkawal dan meluaskan asas cukai, negara mampu mencapai pertumbuhan KDNK yang mampan antara 4.5 hingga 5.5 peratus serta mengekalkan kadar defisit kurang daripada 3.5 peratus dari KDNK pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, teras strategi pembangunan jangka sederhana sedang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

(RMKe-11), yang akan memberi penekanan ke atas peningkatan produktiviti dan inovasi serta peralihan kepada ekonomi yang berasaskan modal dan teknologi yang tinggi untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Berdasarkan sasaran kadar pertumbuhan yang dijangkakan di bawah RMKe-11, pendapatan per kapita akan mencapai paras minimum pendapatan per kapita negara maju sebanyak AS\$15,000 pada akhir tempoh RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.03.2015**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hutang Kerajaan Persekutuan termasuk keuntungan liabiliti dan strategi serta langkah-langkah untuk membendunginya. Apakah inisiatif bagi mengurangkan hutang isi rumah yang kini tertinggi di Asia, iaitu pada kadar 87 peratus daripada KDNK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2014

adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM566.1 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.8 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

3. Bagi mengurangkan paras hutang dan bayaran khidmat hutang, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

- i. Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan.
- ii. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- iii. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada outcome, bagi mengelakkan pembaziran yang seterusnya akan mengurangkan defisit;
- iv. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan

v. Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

4. Dalam usaha membendung kenaikan hutang isi rumah untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak menjadi satu sumber ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan, pelbagai langkah progresif telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan termasuk Bank Negara Malaysia. Sejak tahun 2010, langkah-langkah untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah telah diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan palarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi.

5. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah:

i. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);



- ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran pengurusan kewangan, terutamanya bagi peminjam baru, golongan muda serta golongan yang berpendapatan rendah;
- iii. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit serta menghendaki pengeluar kad kredit supaya mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus;
- iv. Mengeluarkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab secara rasmi, yang menghendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan seseorang bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa, walaupun peraturan ini merupakan amalan sedia ada di kebanyakan institusi kewangan;
- v. Menghadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga 25 tahun kepada 10 tahun. Institusi kewangan juga dilarang menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam dan memastikan penyedia pinjaman bukan institusi perbankan seperti

- koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan turut mengamalkan piawaian syarat pinjaman yang sama;
- vi. Membendung aktiviti spekulatif dalam pasaran harta tanah dengan:
- a. memperkenalkan nisbah loan-to-value (LTV) maksimum sebanyak 70% untuk pinjaman perumahan yang ketiga dan ke atas untuk individu and LTV sebanyak 60% bagi bukan individu bagi pinjaman perumahan pertama dan ke atas; dan
  - b. Menyusun semula struktur kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga 3 tahun, kadar CKHT dinaikkan kepada 30%, manakala pelupusan dalam tempoh 4 dan 5 tahun, kadarnya adalah sebanyak 20% dan 15%. Bagi warganegara, pelupusan yang dibuat dalam tahun ke-6 dan berikutnya, tidak dikenakan CKHT, manakala bagi syarikat, CKHT dikenakan 5%. Bagi bukan warganegara, CKHT dikenakan pada kadar 30% bagi tempoh pegangan sehingga 5 tahun dan pelupusan dalam tahun ke-6 dan berikutnya, CKHT dikenakan 5%
- vii. Melarang pembiayaan Developer Interest Bearing Scheme atau "DIBS" bagi mengelakkan pemaju memasukkan tanggungan kadar

faedah pinjaman pembeli semasa tempoh pembinaan ke dalam harga rumah yang dijual.

6. Semenjak pelaksanaan pelbagai langkah awalan sejak tahun 2010, peningkatan jumlah hutang isi rumah didapati pada kadar semakin perlahan, iaitu sebanyak 9.9% sehingga November 2014, berbanding 11.5%, 13.8% dan 13.5% pada tahun 2013, 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010.